

Headline	Mengimbuu sejarah pertanian negara		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	27	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	796 cm ²
Journalist	JABATAN PERTANIAN	AdValue	RM 20,737
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,210



Pemimpin Malaysia sehati sejiwa bangkitkan sektor pengeluaran makanan

Mengimbuu sejarah pertanian negara

Hab Pertanian

Oleh DATUK AHMAD ZAKARIA MOHAMAD SIDEK
Ketua Pengarah Pertanian Malaysia
JABATAN PERTANIAN



SEMPENA 60 tahun kemerdekaan Malaysia, kita patut bersyukur kerana keadaan negara ini aman damai, tidak bergolak, bebas daripada wabak penyakit dan kemiskinan melampau, sekali gus membolehkan kita melakukan pelbagai aktiviti.

Atas dasar itu, kerajaan sejak awal kemerdekaan lagi telah mengambil langkah tepat dengan menjadikan pertanian sebagai platform bagi menyatukan minda dan hati rakyat untuk mengimbuu kesinambungan integriti politik, ekonomi, sosial serta budaya bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Dalam ruangan penulisan kali ini, Jabatan Pertanian akan mengulas sedikit tentang peredaran sejarah pertanian sebelum kemerdekaan dan peranan golongan muda pada era moden masa kini.

1. Rancangan Buku Merah

Rancangan Buku Merah merupakan satu pelan dasar pembangunan luar bandar yang diperkenalkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1960.

Walaupun Buku Merah itu memfokuskan kepada projek pembangunan fizikal, ia turut memperuntukkan setengah juta ekar tanah bagi penanaman padi, kelapa dan tanaman lain untuk diusahakan oleh penduduk di kawasan luar bandar.

Perancangan mengenai pertanian menerusi buku ini merupakan titik permulaan apabila sektor pertanian mula dipandang serius dan penting dalam membantu ekonomi, tidak hanya ekonomi negara tetapi meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar.

2. Rancangan Buku Hijau

Rancangan Buku Hijau atau Gerakan Bumijaya peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.

Ia diperkenalkan semasa negara mengalami inflasi. Antara kandungan buku itu ialah dengan menumpukan perhatian kepada penggunaan tanah sepenuhnya menerusi tanaman jangka pendek, perkebunan cara berkelompok, rancangan ternakan, rancangan pelihara ikan air tawar, pemasaran yang baik dan projek-projek kecil yang lain.

Kempen Buku Hijau ditukar Kempen Bumi Hijau



KEMPEN Buku Hijau dilancarkan ketika era pemerintahan Tun Abdullah pada tahun 2006.

Matlamat rancangan ini ialah untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.

Abdul Razak menyatakan bahawa hanya melalui kaedah proaktif kerajaan mampu mengurangkan inflasi ketika itu dengan pengemblengan seluruh tenaga dan jentera rakyat dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran makanan melalui agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

3. Program Bumi Hijau

Program Bumi Hijau diwujudkan untuk menggalakkan penduduk negara ini bercucuk tanam dan memternak bagi mengeluarkan sendiri bahan makanan harian, sekali gus dapat meringankan beban kewangan penduduk akibat kesan kenaikan harga barangan makanan serta kesan kenaikan kadar inflasi.

Pelaksanaan Program Bumi Hijau adalah lanjutan daripada program Kempen Buku Hijau yang dilancarkan pada 3 Mac 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Program ini terdiri daripada tiga komponen utama iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur seperti yang terkandung dalam Dasar Jaminan Bekalan Makanan.

Mengangkat tema *Tanam Ternak Guna Sendiri, Jimat Cermat Bina Ekonomi*, program ini memfokuskan kepada membina persekitaran landskap hijau dengan mewujudkan kesedaran tentang pentingnya tumbuhan kepada alam dan manusia melalui pendekatan *kitchen garden* serta *edible garden*.

Dalam program itu, kerajaan berasaskan perlunya kerjasama setiap Jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Jabatan Pertanian menjadi urus setia dan kendalian bagi tanaman sayur-sayuran, Jabatan Perikanan (aktiviti akuakultur) dan



PROGRAM Kempen Bumi Hijau diwujudkan untuk menggalakkan penduduk di negara ini bercucuk tanam dan memternak bagi kegunaan sendiri.



RANCANGAN Buku Merah merupakan satu pelan dasar pembangunan luar bandar yang memfokuskan kepada projek pembangunan fizikal.

MATLAMAT Rancangan Buku Hijau adalah untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (aktiviti ternakan ayam kampung).

Program ini dilihat sebagai satu pendekatan yang lebih holistik dengan menumpukan kaedah pelaksanaan secara individu, komuniti atau institusi.

4. Pertanian Bandar

Pada tahun 2014, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan Program Pertanian Bandar.

Program itu merupakan penjenamaan semula kepada Kempen Bumi Hijau. Semua aspek yang terkandung dalam Kempen Bumi Hijau dikekalkan dan ditambah baik supaya matlamat akhir iaitu dapat membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan Jabatan Pertanian tercapai.

Program itu melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai jabatan serta agensi yang berkaitan pada peringkat negeri dan Persekutuan.

Pengintegrasian pertanian dalam perancangan dan pembangunan perbandaran adalah penting untuk pembangunan mampan daripada pelbagai aspek kehidupan serta keperluan kehidupan bandar termasuk bekalan bahan makanan, penghijauan persekitaran, pengurusan air dan bahan buangan bandar, pendidikan serta riadah.

Aktiviti pertanian dalam kalangan penduduk bandar bagi mengeluarkan bahan makanan sendiri merupakan satu pendekatan yang praktikal dan dapat mengurangkan perbelanjaan harian.

■ Bagi mendapatkan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pertanian Malaysia di talian 03-8870 3042/3050 dan faksimili (03-8888 5069) atau melalui portal Jabatan Pertanian Malaysia di www.doa.gov.my



PROGRAM Pertanian Bandar merupakan penjenamaan semula kepada Kempen Bumi Hijau bagi menggalakkan aktiviti pertanian di kawasan bandar.